


1,128 penuntut balik kampung malam ini



PEGAWAI Perubatan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dr Khairul Salleh Abdul Basit memberikan taklimat ringkas kepada penuntut yang ingin pulang ke kampung sebelum menyerahkan Borang Pengisyahan Kesihatan. FOTO Farizul Hafiz Awang

Yusmizal Dolah Aling dan Muhaamad Hafis Nawawi
am@hmetro.com.my

KUMPULAN pertama seramai 1,128 penuntut institusi pengajian tinggi awam dan swasta akan pulang ke kampung halaman masing-masing, malam ini.

Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, 863 daripadanya akan dihantar pulang dari zon tengah ke zon utara.

Katanya, ia membabitkan penuntut dari sembilan universiti yang akan menggunakan 49 bas ke 17 lokasi.

"Apabila sampai ke zon utara, bas yang sama akan membawa penuntut ke dari zon utara ke zon tengah.

"Sebelum berlepas, bas dan bagasi akan disanitasi sama ada sebelum bergerak ke utara atau pun sebelum bas bergerak ke zon tengah," katanya pada sidang media harian di Putrajaya.

Menurutnya, hanya seorang ahli keluarga dibenarkan mengambil mereka dan untuk dibawa pulang ke rumah.

"Bagi yang ada masalah, petugas barisan hadapan di daerah akan menghantar mereka ke rumah masing-masing," katanya.

Empat lapangan terbang iaitu Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai di Johor Bahru akan beroperasi untuk penghantaran pulang pelajar ke Sabah dan Sarawak.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan pemeriksaan bekalan di 1,015 premis, 812 peruncit, 168 pemborong dan 35 pengilang.

Selain itu, kementerian itu juga menerima 14,783 aduan dan pertanyaan melalui empat saluran utama iaitu aplikasi WhatsApp, e-aduan, hotline dan melalui Pusat Arahan Penguatkuasaan (ECC).

"Sebanyak 2,291 aduan harga dan bekalan direkodkan, 1,845 diselesaikan, 446 aduan masih di dalam siasatan," katanya.

Ismail Sabri berkata, kerajaan turut memutuskan untuk memberi kebenaran kepada penderma darah ke hospital atau pusat yang berkaitan bermula jam 10 pagi hingga 10 malam.

Menurutnya, ia susulan permintaan daripada Pusat Darah Negara yang kekurangan bekalan sebanyak 33 peratus sejak Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571764/1128-penuntut-balik-kampung-malam-ini>

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 27 April 2020 @ 3:24 PM